

07/06/1998

Pemulihan ekonomi makan masa: PM (HL)

Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemulihan ekonomi negara akan mengambil masa yang panjang dan memerlukan ketabahan hati serta pengorbanan semua rakyat.

"Masalah ekonomi yang melanda negara tidak boleh tamat dalam jangka masa yang pendek. Kita mesti bersedia untuk menghadapi masalah ini walaupun ia berterusan seberapa lama.

"Usaha ke arah ini pula mestilah berasas kepada keupayaan dan ketabahan hati kita kerana sementara kita tidak menolak peranan orang asing dalam meredakan keadaan ekonomi kita, kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada mereka," kata Perdana Menteri.

Dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini, semalam, Dr Mahathir bagaimanapun yakin lambat laun kerajaan akan dapat mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

"Kepercayaan ini diasaskan kepada kekukuhan dan kestabilan politik dan sosial kita," katanya sambil menegaskan kerajaan akan menangani sebarang usaha untuk mencetuskan ketidakstabilan dengan bijak.

Beliau juga memberi jaminan semua golongan meliputi pekerja menganggur hingga ke pengusaha kecil dan besar, akan diberi pertolongan supaya tidak terlalu tertekan dengan kegawatan ekonomi sekarang.

"Tidak siapa pun yang akan diabaikan kerajaan atau masalah mereka diambil ringan," katanya.

Menurutnya, keadaan ekonomi negara juga belum begitu buruk sehingga memaksa kerajaan meminta bantuan antarabangsa.

"Jika kita terpaksa meminta pertolongan, bukan saja ekonomi kita akan menjadi lebih buruk tetapi urusan ekonomi tidak lagi dikuasai kita. Dengan lain perkataan, secara langsung ekonomi kita akan tergugat," katanya.

Menurutnya, walaupun ada rakyat yang berpendapat lebih baik menyerahkan urusan ekonomi negara kepada pakar antarabangsa, tetapi itu tidak menjamin ekonomi akan pulih semula.

"Kebanyakan negara yang menerima apa saja yang dikatakan sebagai bantuan antarabangsa mengalami kemerosotan ekonomi yang semakin teruk sehingga politik menjadi tidak stabil, pengangguran meningkat sehingga berjuta-juta rakyat hilang pekerjaan, pendapatan yang bekerja pula susut dari segi kuasa membeli, syarikat dan bank muflis dan inflasi meningkat secara mendadak," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua perkara itu boleh berlaku jika tekanan yang lebih teruk dikenakan kepada ringgit dan pasaran saham negara ini tetapi sekurang-kurangnya kerajaan masih bebas menentukan dasar ekonomi, menolong memulihkan syarikat dan menyelamatkan negara.

Menurutnya, pemulihan sudah pasti tidak mudah tetapi kerajaan yakin pengurangan pergantungan kepada tukaran asing dapat menyelamatkan negara daripada ancaman serangan ke atas mata wang dan ekonomi Malaysia.

Malah, katanya, kerajaan sudah dan sedang menggubal strategi bagi mengurangkan kesan kejatuhan nilai ringgit.

"Perkara penting adalah dengan mengurangkan import. Ada barangan yang tidak perlu seperti barangan mewah boleh dihentikan sama sekali penggunaannya. Ini akan mempunyai kesan kepada peniaga yang mengimport dan menjual barangan berkenaan. Kerajaan berharap peniaga sebaliknya beralih kepada barangan ganti yang diperoleh dalam negeri," katanya.

Langkah lain, menurutnya, adalah dengan mengurangkan penggunaan barangan

perlu seperti gula, gandum yang sukar dibendung kenaikan harganya, berjimat cermat ketika berbelanja, meningkat eksport bahan mentah tempatan, menentukan dagangan Malaysia dan negara asing menggunakan ringgit atau mata wang negara berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, yang penting ialah kepercayaan rakyat kepada kerajaan kerana tidak semua pendekatan yang diambil dapat diumumkan kepada rakyat.

(END)